

# UTHM tampil bantu mangsa gempa

**RANAU 6 Ogos** - Terpanggil untuk bersama merasai kesusahan yang dialami penduduk susulan kejadian gempa bumi pada 5 Jun lalu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tampil menghulurkan bantuan melalui kumpulan khidmat masyarakatnya.

Program dinamakan Khidmat Masyarakat Kinabalu 2015 itu disertai 30 mahasiswa Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) yang diketuai dekannya, Prof. Madya Dr. David Martin @ Daud.

Kumpulan tersebut meluangkan masa melawat dua kampung iaitu di Kampung Kiau Toburi, Kota Belud dan Kampung Mesilau, Kundasang dekat sini dan dilaksanakan melalui kerjasama Persatuan Mahasiswa Sa-

bah UTHM.

Menurut kenyataan UTHM, bagi mengumpul sumbangan dari warga universiti, kumpulan khidmat masyarakat terbabit telah menggerakkan usaha mencari tabungan untuk disalurkan kepada mangsa gempa dan banjir lumpur di kedua-dua daerah tersebut.

“Sebanyak 19 keluarga yang terjejas di Kampung Kiau Toburi menerima sumbangan berbentuk kewangan dan barang keperluan memandangkan majoriti kediaman penduduknya mengalami kerosakan teruk.

“Kerosakan itu terutamanya di bahagian lantai, dinding dan siling yang menuntut mereka berpindah ke kawasan yang lebih selamat. Da-

ripada jumlah tersebut lapan rumah tidak dapat dihuni,” jelas kenyataan itu di sini baru-baru ini.

Kenyataan itu berkata, di Kampung Mesilau pula, hanya dua keluarga terjejas teruk akibat hakisan dan banjir lumpur dan mangsa turut menerima sumbangan kewangan bagi membantu mereka membeli barang keperluan harian.

“Selain sumbangan kewangan dan barang-barang keperluan, kumpulan khidmat masyarakat tersebut juga memberi sokongan moral dan motivasi kepada penduduk Kampung Kiau Toburi dan murid-murid Sekolah Kebangsaan Kiau 1 yang bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).